

MINIT MESYUARAT AJK SURAU AN NUR SIRI 9/2016

SURAU AN NUR SETIA ECO PARK

TARIKH : 10 Januari 2016 (AHAD)
MASA : 8.00 MALAM
TEMPAT : SURAU AN NUR, SETIA ECO PARK
KEHADIRAN : SEPERTI DI LAMPIRAN
AGENDA :

1. KATA-KATA ALUAN Pengerusi Surau An Nur

Yang Berbahagia Datuk Mohammad Bin Maidon mengucapkan terima kasih kepada AJK yang hadir. Mesyuarat kali ini akan membincangkan perkara-perkara berikut:

- Aktiviti pengisian Surau
- Hal ehwal semasa

2. MELULUSKAN MINIT MESYUARAT

Minit mesyuarat siri 8/2015 bertarikh 19 Ogos 2015 telah diluluskan setelah dicadangkan oleh Sdra Zaini dan disokong oleh Hj Mokhsein.

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Mesyuarat diteruskan dengan membincangkan cadangan berikut:

| Siri | Perkara | Tindakan |
|------|--|------------------------------------|
| 3.1 | <p>LAPORAN KEWANGAN</p> <p>Laporan Kewangan semasa:</p> <ul style="list-style-type: none">- Bendahari tidak hadir. Status kewangan dibentang oleh Setiausaha.- Tunai Bank setakat 30 Nov 2015 = RM 27,258.23- Tunai di tangan setakat 8 Jan 2016 = RM 3,735.20 <p>Mesyuarat bersetuju untuk ahli karyah diingatkan tentang persetujuan dalam Mesyuarat Agong iaitu setiap isi rumah karyah menyumbang RM 50 sebulan untuk meningkatkan jumlah dana bagi menampung peningkatan aktiviti Surau.</p> | <p>Bendahari</p> <p>Setiausaha</p> |
| 3.2 | <p>PENGURUSAN JENAZAH – UBAHSUAI BILIK JENAZAH</p> <ul style="list-style-type: none">- Ubahsuai bilik Jenazah – akan dilaksana sebagaimana dipersetujui. Tarikh anggaran siap ialah 31 Jan 2016. | <p>Hj Hamdan</p> |

| | | |
|------------|--|------------|
| | <ul style="list-style-type: none"> - 2 unit platform stainless steel akan dibina untuk tempat mandi jenazah dan tempat mengkafankan. | |
| 3.3 | <p>PUSAT KECEMERLANGAN BACAAN AL QUR'AN</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kelas bimbingan / tadarus mingguan untuk peningkatan mutu bacaan ahli kariah: - Kelas kanak kanak bimbingan Us Seraj – Isnin, Rabu dan Jumaat. - Kelas dewasa muslimin bimbingan Datuk Mohammad – Isnin dan Selasa. - Tadarus muslimin dan muslimat – malam Jumaat tiap minggu. - Kelas muslimah bimbingan Ibu Saulah – pagi Sabtu tempat bergilir dengan Surau As Salam. - Elaun Us Seraj dan Ibu Saulah dibiayai oleh Surau. | Setiausaha |
| 3.4 | <p>CADANGAN MENGIMARAHKAN SURAU</p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk perancangan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Suaikenal ahli kariah untuk memperkenalkan mereka yang baru berpindah ke Eco Park. - Mengadakan program pengajian di lokasi yang dikendali secara bergilir – kariah Nusantara, Duta, Tropika. - Mengadakan kelas bahasa Arab. | Setiausaha |
| 3.5 | <p>TOWER TELCO</p> <p>Tidak akan diteruskan kerana berkemungkinan tidak disenangi oleh penduduk sekitar Surau.</p> | Setiausaha |

4. PERKARA BARU

| Siri | Perkara | Tindakan |
|------------|---|------------|
| 4.1 | <p>TANAH PERKUBURAN SETIA ALAM</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mesyuarat bersetuju untuk terlibat secara aktif mengendalikan tanah perkuburan. - Mengkordinasikan usaha mengambil alih tanah tersebut daripada MBSA - Sebahagian daripada projek Khairat Kematian yang perlu dicadangkan oleh Surau kepada PERSALAM. | Dr Fadh |
| 4.2 | <p>MESYUARAT AGONG KE 2 SURAU AN NUR</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mesyuarat bersetuju untuk diadakan pada 13 Februari 2016, hari Sabtu. | Setiausaha |

| | | |
|------------|--|------------|
| | - Notis akan dikeluarkan 2 minggu sebelum tarikh tersebut. | |
| 4.3 | PROJEK MEMBINA ANJUNG RUANG IMAM - Mesyuarat bersetuju untuk dilaksanakan tertakluk kepada peruntukan yang ada. - Sebutharga akan diperolehi dan dibincang dalam mesyuarat akan datang sebelum projek dimulakan. | Setiausaha |
| 4.4 | HAL HAL LAIN - Program Qiamullail bulan Ramadhan kanak-kanak tidak akan diteruskan kerana masalah pengawalan, tidak mencapai matlamat. - Imam sepenuh masa – mencadangkan Us Seraj untuk ditawarkan. Datuk Pengerusi akan menemuduga beliau sebelum keputusan dibuat dalam mesyuarat akan datang. | Setiausaha |

5. UCAPAN PENANGGUHAN MESYUARAT

Datuk Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir dan berharap segala perkara yang telah dipersetujui akan dilaksanakan dengan sebaik mungkin agar visi Surau sebagai pusat kecemerlangan Al Qur'an dan pemangkin silaturrahim komuniti Islam Setia Eco Park akan tercapai.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 9.30 malam.

Disediakan oleh

Disemak oleh

.....
(HJ MAT ASIS BIN MAHNOON)
Setiausaha SURAU AN NUR

.....
(DATUK MOHAMMAD BIN MAIDON)
Pengerusi SURAU AN NUR

SENARAI KEHADIRAH MESYUARAT AJK SURAU AN NUR SIRI 9/2016

PADA 10 JAN 2016

| NAMA JAWATAN | NAMA PENYANDANG | KEHADIRAN |
|-----------------------|--------------------------------|------------------|
| PENGERUSI | DATUK MUHAMMAD BIN MAIDON | Hadir |
| SETIAUSAHA | HAJI MAT ASIS BIN MAHNOON | Hadir |
| BENDAHARI | HAJI SHAMSUDIN BIN BASRI | Tidak Hadir |
| AJK WANITA | DR ANIS SAFURA BINTI RAMLI | Hadir |
| AJK REMAJA | EN ZAINI BIN ZAKARIA | Hadir |
| AJK | PUAN NORAINI BINTI ROSLAN | Hadir |
| AJK | HAJI MOKHSEIN BIN ABDULLAH | Hadir |
| AJK | HAJI AHMAD NAJHAN BIN JAMIL | Hadir |
| BILAL 1 | HAJI JASMANI BIN HJ ABBAS | Tidak Hadir |
| BILAL 2 | DR MOHD FADHLILLAH BIN MAHMOOD | Hadir |
| BILAL 3 | DR ZULKIFLI BIN ZAINAL ABIDIN | Tidak Hadir |
| BILAL JENAZAH LELAKI | HAJI HAMDAN BIN ZAMBAHARI | Hadir |
| BILAL JENAZAH WANITA | DATIN FARIDAH BINTI ARIS | Tidak Hadir |
| PEMERIKSA KIRA KIRA 1 | DR ZAKIR HUSSAIN | Hadir |
| PEMERIKSA KIRA KIRA 2 | HAJI AYUB KHAN BIN MOHAMOD | Tidak Hadir |
| TURUT HADIR | HJ AHMAD JEFRI BIN MOHAMED | Hadir |